

LAMPIRAN

SIMULASI UMRAH SEMPERNA KARNIVAL CINTA RASUL UMS

A - PENGENALAN

Umrah mengikut syara' ialah mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadah-ibadah tertentu iaitu tawaf, sa'i, bertahallul dan sebagainya. Pendapat jumur ulama mengatakan bahawa ibadah umrah wajib dilakukan sekali dalam seumur hidup dan jika diulangi menjadi sunat dan memperolehi pahala yang banyak apatah lagi jika umrah ditunaikan pada bulan Ramadan yang mana pahalanya menyamai pahala seperti menunaikan ibadah haji. Simulasi umrah adalah satu inisiatif untuk memberi pendedahan mengenai suasana sebelum dan ketika menunaikan ibadah umrah bagi memberi pengetahuan serta latihan praktikal kepada peserta.

B - OBJEKTIF

1. Memberi pendedahan dan panduan ibadat umrah kepada bakal tetamu Allah;
2. Pendedahan perkara berkaitan dengan pengurusan Umrah;
3. Memberi pendedahan dan kefahaman yang lebih terperinci khususnya mengenai jenis dan cara pelaksanaan umrah;
4. Melahirkan jemaah umrah yang mempunyai pengetahuan yang mantap dan dapat melaksanakan ibadah umrah dengan sempurna;
5. Membantu mendapatkan umrah yang mabrur.

C - SASARAN

Terbuka kepada semua yang berhajat untuk mengetahui tatacara menunaikan umrah.

D - YURAN PENYERTAAN

1. Pelajar (Umur 12 tahun dan ke atas) = RM5.00
2. Kakitangan UMS = RM10.00
3. Orang Awam = RM15.00

E - PENGISIAN

1. Ceramah Teori :
 - a. Pengertian dan hikmah ibadah umrah
 - b. Persediaan sebelum menunaikan umrah
 - c. Bagaimana pengurusan untuk ke tanah suci
 - d. Rukun dan wajib umrah serta hukum yang berkaitan denganya
 - e. Penerangan kelebihan Makkah dan Madinah
 - f. Taklimat perjalanan ziarah di Makkah dan Madinah
2. Amali Pelaksanaan :
 - a. Pemakaian ihram
 - b. Pelaksanaan ibadah umrah seperti niat, tawaf, saie dan tahalul
 - c. Bacaan doa-doa amalan